

**GARIS PANDUAN BAGI MELAKSANAKAN
ANUGERAH INOVASI PENYELIDIKAN BERSAMA ANTARA SEKTOR
AWAM DENGAN SEKTOR SWASTA**

KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
I. TUJUAN	3
II. ANUGERAH INOVASI PENYELIDIKAN BERSAMA ANTARA SEKTOR AWAM DENGAN SEKTOR SWASTA (AIPB)	3
a. Definisi Inovasi Penyelidikan	3
b. Objektif AIPB	3
c. Hadiah AIPB	4
d. Syarat-syarat Penyertaan AIPB	4
e. Kriteria Penilaian AIPB	5
f. Pembahagian Markah AIPB	8
g. Proses Penilaian Dan Pemilihan Penerima AIPB	8
III. TATACARA PERMOHONAN	8

**GARIS PANDUAN BAGI MELAKSANAKAN
ANUGERAH INOVASI PENYELIDIKAN BERSAMA
ANTARA SEKTOR AWAM DENGAN SEKTOR SWASTA (AIPB)**

I. TUJUAN

1. Garis panduan ini bertujuan untuk membantu agensi Kerajaan membuat permohonan untuk menyertai Anugerah Inovasi Penyelidikan Bersama Antara Sektor Awam Dengan Sektor Swasta (AIPB).

II. ANUGERAH INOVASI PENYELIDIKAN BERSAMA ANTARA SEKTOR AWAM DENGAN SEKTOR SWASTA

a. Definisi Inovasi Penyelidikan

2. Inovasi Penyelidikan adalah cetusan idea-idea kreatif dan aktiviti R&D yang menghasilkan produk baru atau penambahbaikan, pengubahsuai an dan penyesuaian kepada produk sedia ada.
3. Hasil inovasi penyelidikan ini akan menjana sumber ekonomi, meningkatkan produktiviti, memelihara alam sekitar dan mengekalkan kesejahteraan sosial.

b. Objektif Anugerah Inovasi Penyelidikan Bersama Antara Sektor Awam Dengan Sektor Swasta

4. Objektif AIPB adalah untuk:

- i. Memberi pengiktirafan kepada hasil inovasi penyelidikan yang dibangunkan oleh agensi sektor awam bersama agensi sektor swasta;

- ii. Menggalakkan lebih banyak inovasi hasil penyelidikan yang dilaksanakan oleh agensi Kerajaan secara usaha sama dengan sektor swasta;
- iii. Memperkenal dan mengeratkan lagi hubungan dan kerjasama di antara sektor awam dengan sektor swasta; dan
- iv. Memupuk dan menyemarakkan budaya penyelidikan secara usaha sama di antara sektor awam dengan sektor swasta.

c. Hadiah Anugerah Inovasi Penyelidikan Bersama Antara Sektor Awam Dengan Sektor Swasta

- 5. Pemenang-pemenang AIPB akan menerima pengiktirafan seperti berikut:
 - i. Agensi sektor awam akan menerima hadiah wang tunai sebanyak RM10,000.00 dan satu sijil penghargaan dalam bentuk plak; dan
 - ii. Rakan usaha sama sektor swasta akan menerima satu sijil penghargaan dalam bentuk plak.

d. Syarat-syarat Penyertaan Anugerah Inovasi Penyelidikan Bersama Antara Sektor Awam Dengan Sektor Swasta

- 6. Syarat-syarat penyertaan AIPB adalah seperti berikut:
 - i. Inovasi penyelidikan yang dihasilkan adalah melalui usaha sama di antara agensi sektor awam dengan agensi sektor swasta.;
 - ii. Aktiviti R&D hendaklah dilaksanakan oleh agensi sektor awam; dan
 - iii. Penyertaan dalam AIPB hendaklah melalui ketua agensi sektor awam.

e. Kriteria Penilaian Anugerah Inovasi Penyelidikan Bersama Antara Sektor Awam Dengan Sektor Swasta

7. Kriteria yang digunakan dalam proses penilaian dan pemilihan AIPB adalah seperti berikut:

i. Kreativiti dan keaslian

Kriteria ini bertujuan untuk melihat sejauh mana projek inovasi yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri kreativiti dan keaslian.

Agensi pemohon perlu memberi penerangan mengenai perkara-perkara seperti berikut:

a. Keaslian

Inovasi yang dihasilkan merupakan yang baru atau pertama dicipta untuk dunia, atau negara atau organisasi; atau

b. Adaptasi

Inovasi yang dihasilkan adalah melalui adaptasi (*creative adaptation*).

ii. Signifikan

Kriteria ini bertujuan untuk melihat sejauh mana produk inovasi yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri signifikan.

Agensi pemohon perlu memberi penerangan mengenai perkara-perkara seperti berikut:

Setakat mana projek inovasi dapat memberi impak terhadap sektor ekonomi dan sosial sesebuah negara seperti:-

- a. impak besar . boleh dieksport atau penggantian import; atau
- b. impak sederhana . untuk pasaran tempatan; atau
- c. impak kecil . untuk kegunaan proses kerja organisasi itu sendiri.

iii. Efisien (kecekapan) dan keberkesanan

Kriteria ini bertujuan untuk menilai sejauh mana produk inovasi yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri efisien (kecekapan) dan keberkesanan.

Agensi pemohon perlu memberi penerangan mengenai perkara-perkara seperti berikut:

- a. Kecekapan dan keberkesanan projek inovasi dalam tindakan pencegahan dan penyelesaian masalah;
- b. Kecekapan dan keberkesanan dari segi pengoperasian (penjimatan kos dan masa);
- c. Kecekapan dan keberkesanan teknik penambahbaikan proses;
- d. Berkebolehan untuk mematuhi standard/undang-undang (tempatan/antarabangsa) yang sedia ada;
- e. Kecekapan dan keberkesanan dari segi penjimatan tenaga;
- f. Keberkesanan dari segi mesra pengguna;
- g. Keberkesanan dari segi mesra alam;
- h. sustainability

iv. Tahap pelaksanaan

Kriteria ini bertujuan untuk melihat tahap pelaksanaan produk inovasi yang dihasilkan.

Agensi pemohon perlu memberi penerangan mengenai perkara-perkara seperti berikut :

- a. Terdapat bukti projek inovasi telah berjaya dikomersilkan; atau
- b. Sejauh mana terbukti projek inovasi berpotensi untuk dikomersilkan; atau
- c. Projek inovasi berada di peringkat prototaip.

v. *Replicability*

Kriteria bertujuan untuk melihat sejauh mana produk inovasi yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri *replicability*.

- a. Sejauh mana projek inovasi yang dihasilkan dapat dibuat pengubahsuai mengikut keperluan tanpa melibatkan kos yang tinggi;
- b. Setakat mana projek inovasi boleh dihasilkan pada kadar yang banyak secara konsisten;
- c. Sejauh mana projek inovasi boleh digunakan untuk pelbagai aplikasi; dan
- d. Setakat mana hasil keputusan projek inovasi adalah *reliable* (*reliability*).

vi. Kolaborasi

Kriteria bertujuan untuk melihat tahap perkongsian kedua-dua sektor dalam menghasilkan inovasi.

Tunjukkan bukti bahawa Pengurusan Atasan dari kedua-dua agensi telah memberi sokongan dari segi:

- Sumber kewangan;
- Sumber Manusia; dan
- Sumber bahan, peralatan, teknologi dan metodologi.

**f. Pembahagian Markah Anugerah Inovasi Penyelidikan Bersama
Antara Sektor Awam Dengan Sektor Swasta**

8. Pembahagian markah diberikan mengikut kriteria-kriteria yang ditetapkan seperti di **Lampiran A**.

**g. Proses Penilaian Dan Pemilihan Penerima Anugerah Inovasi
Penyelidikan Bersama Antara Sektor Awam Dengan Sektor Swasta**

9. Penilaian dan pemilihan penerima AIPB dibuat melalui beberapa peringkat seperti dijelaskan di **Lampiran B**

III. TATACARA PERMOHONAN

10. Agensi yang hendak menyertai AIPB hendaklah menyempurnakan tindakan-tindakan berikut:

- i. Melengkapkan borang permohonan dengan ditandatangani oleh Ketua agensi seperti dijelaskan di **Lampiran C**.
- ii. Menyediakan laporan inovasi dalam Bahasa Melayu yang mengandungi perkara-perkara berikut:
 - a. maklumat ringkas mengenai agensi, bahagian, seksyen atau unit yang memperkenalkan inovasi;
 - b. penerangan mengenai inovasi yang diperkenalkan, objektif, tempoh pelaksanaan sama ada secara penuh atau percubaan dan lokasinya;
 - c. penerangan ringkas mengenai kedudukan sebelum inovasi dilaksanakan;
 - d. masalah-masalah yang dihadapi sebelum inovasi dilaksanakan; dan

- e. faedah-faedah pelaksanaan inovasi bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan yang disampaikan kepada pelanggan mengikut kriteria yang ditetapkan di para 7.
- iii. Mengemukakan borang permohonan bersama-sama laporan inovasi kepada urus setia AIPB seperti di bawah sebelum tarikh tutup yang ditetapkan.

Urus Setia Anugerah Inovasi Penyelidikan Bersama Antara Sektor Awam Dengan Sektor Swasta (AIPB)
(Bahagian Inovasi dan Pengkomersilan)
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Aras 6, Blok C5, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62662 PUTRAJAYA

Lampiran A

Pembahagian Markah Anugerah Inovasi Penyelidikan Bersama Antara Sektor Awam Dengan Sektor Swasta

Kriteria	Markah	Markah Penuh
1. Kreativiti dan Keaslian		
a. <i>New Science/invention</i> <ul style="list-style-type: none"> • 1st in the world; atau • 1st in Malaysia; atau • 1st in the organisation (indicator : <i>patents,copyright</i>) 	25	25
b. Adaptasi <ul style="list-style-type: none"> • <i>Creative adaptation</i> 	15	
2. Signifikan (Impak kepada <i>wealth creation / well-being / security</i>)		
a. Besar (Boleh dieksport atau penggantian import) ; atau	20	20
b. Sederhana (Pasaran tempatan) ; atau	15	
c. Kecil (Untuk kegunaan proses kerja organisasi itu sendiri)	7	

3. Efisien (Kecekapan) & keberkesanan		
a. Efficiency in taking mitigation action (Tindakan pencegahan dan penyelesaian masalah)	3	
b. Kecekapan dari segi operasi (<i>time /cost saving</i>)	3	
c. Teknik penambahan proses	3	
d. Mematuhi standard dan peraturan tempatan dan antarabangsa	3	19
e. <i>Energy saving</i> (Penjimatan tenaga)	3	
f. Mesra pengguna / <i>user-friendly</i>	2	
g. Mesra alam	1	
h. <i>Sustainability</i>	1	
4. Tahap Pelaksanaan		
a. Telah dikomersilkan; atau	20	
b. <i>Development, clinical trial, pre-commercialisation stage</i> (potensi untuk dikomersilkan); atau	15	20
c. Peringkat prototaip (<i>proof of concept</i>)	10	

5. <i>Replicability</i>		
a. inovasi yang dihasilkan dapat di buat pengubahsuai an mengikut keperluan tanpa melibatkan kos yang tinggi.	2.5	
b. projek inovasi boleh dihasilkan pada kadar yang banyak secara konsisten	2.5	10
c. projek inovasi boleh digunakan untuk pelbagai aplikasi.	2.5	
d. hasil keputusan projek inovasi adalah <i>reliable (reliability)</i>	2.5	
6. Tahap Perkongsian		
• Sektor Awam	3	
• Sektor Swasta	3	
Komitmen pengurusan atasan kedua-dua sektor dalam memberi sokongan dari segi		6
• sumber kewangan	1	
• sumber manusia	1	
• sumber bahan, peralatan, teknologi, metodologi	1	
Jumlah keseluruhan		100

Proses Penilaian dan Pemilihan Penerima AIPB

i. Peringkat Pertama : Tapisan oleh Pihak Urus Setia

Semua permohonan yang diterima akan dibuat tapisan di peringkat urus setia untuk memastikan permohonan memenuhi syarat penyertaan yang telah ditetapkan.

ii. Peringkat Kedua : Penilaian Inovasi Berasaskan Laporan

Semua inovasi yang diterima akan dinilai oleh Panel Penilai. Panel Penilai akan dilantik daripada kalangan pakar-pakar di dalam bidang berkaitan.

iii. Peringkat Ketiga: Penilaian Inovasi yang Disenarai Pendek Berasaskan Taklimat dan Demonstrasi

Pada peringkat ini, inovasi yang **disenarai pendek** oleh Panel Penilai di peringkat kedua akan dijemput untuk memberi taklimat serta demonstrasi mengenai inovasi masing-masing. Taklimat ini bertujuan untuk membolehkan Panel Penilai mendapat maklumat terperinci, penjelasan lanjut dan membuat pengesahan ke atas pematuhan kriteria yang dinyatakan dalam laporan.

Berasaskan taklimat dan demonstrasi tersebut, Panel Penilai akan menyediakan senarai pendek inovasi yang diperakukan sebagai penerima Anugerah Inovasi Penyelidikan Bersama Antara Sektor Awam Dengan Sektor Swasta.

iv. Peringkat keempat: Lawatan Penilaian oleh Panel Penilai (jika perlu)

Pada peringkat ini, lawatan akan dibuat ke lokasi bagi meneliti dengan lebih mendalam dari aspek-aspek teknikal yang berkaitan. Berdasarkan hasil penilaian teknikal ini, Panel Penilai akan memperakukan penerima-penerima AIPB.

v. Peringkat kelima : Keputusan Muktamad Penerima Anugerah Inovasi oleh Panel Pemantauan Penyampaian Perkhidmatan (Panel 3P)

Senarai penerima yang diperakukan oleh Panel Penilai akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Panel Pemantauan Penyampaian Perkhidmatan (Panel 3P) untuk keputusan muktamad.

**BORANG PERMOHONAN
ANUGERAH INOVASI PENYELIDIKAN BERSAMA ANTARA SEKTOR
AWAM DENGAN SEKTOR SWASTA (AIPB)**

1. Maklumat Agensi:

Nama Agensi: _____

Alamat: _____

No. Telefon: _____ **No. Faks :** _____

2. Nama dan Alamat Rakan Usaha sama Sektor Swasta :

3. Tajuk Projek Inovasi:

4. Nama Pegawai Bertanggungjawab Untuk Dihubungi:

Nama : _____

Jawatan : _____

Telefon: _____ **No. Faks :** _____

Emel: _____

5. Pengesahan Ketua Agensi:

Tandatangan Ketua Agensi

Cop Agensi

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

TATACARA PERMOHONAN AIPB 2007

A. Pemohon perlulah menyertakan perkara-perkara berikut ketika membuat permohonan :

1. Borang permohonan (Lampiran C)
2. Ringkasan Eksekutif :
 - a) Berkenaan inovasi yang dijalankan sahaja
 - b) Menggunakan Kertas A4
 - c) **Satu muka surat sahaja**
 - d) Menggunakan 1.5 *line spacing*
 - e) Jenis *font* - Arial
 - f) *Font size* - 12
 - g) *Page Setup* -

<i>Top</i>	- 0.5"
<i>Bottom</i>	- 0.5"
<i>Left</i>	- 1.25"
<i>Right</i>	- 1.00"
3. Laporan Inovasi :
 - a) Merangkumi :
 - i) Perkara 10(ii) a-e di dalam Garis Panduan
 - ii) Perkara 7 di dalam Garis Panduan (yang berkaitan)
 - b) Menggunakan Kertas A4
 - c) Tidak melebihi 50 muka surat
 - d) Menggunakan 1.5 *line spacing*
 - e) Jenis *font* - Arial
 - f) *Font size* - 12
 - g) *Page Setup* -

<i>Top</i>	- 0.5"
<i>Bottom</i>	- 0.5"
<i>Left</i>	- 1.25"
<i>Right</i>	- 1.00"
4. Satu *soft copy* yang mengandungi **Ringkasan Eksekutif** dan **Laporan Inovasi**.

B. Semua maklumat yang lengkap bolehlah dialamatkan ke :

Urus Setia Anugerah Inovasi Penyelidikan Bersama Antara Sektor Awam Dengan Sektor Swasta (AIPB)
Bahagian Inovasi & Pengkomersilan
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Aras 6, Blok C5, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62662 PUTRAJAYA